

Berputih mata jual LPG tanpa lesen



ANTARA 106 tong LPG yang dirampas KPDNHEP. FOTO Ihsan KPDNHEP

Baharom Bakar
am@hmetro.com.my

PADAH menjual Gas Petroleum Cecair (LPG) tanpa lesen, seorang lelaki di Gong Badak, Kuala Nerus berputih mata apabila 106 tong LPG dan sebuah lori disita, hari ini.

Lelaki berusia 43 tahun itu dikesan menjual LPG tanpa lesen selepas sepasukan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melakukan risikan sejak Ahad lalu.

Pengarah KPDNHEP, Saharuddin Mohd Kia menjelaskan, sebanyak 106 tong LPG berisi padu 14 kilogram setiap satu dan sebuah lori muatan 1.5 tan disita dalam serbuan 10.30 pagi hari ini.

Katanya, nilai rampasan tong LPG dan lori yang disita itu dianggarkan berjumlah RM20,600 dan lelaki itu ditahan untuk diambil keterangan lanjut.

"Lelaki itu dikenakan tindakan undang-undang mengikut Peraturan 21 (1), Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, kerana berniaga LPG tanpa lesen.

"Lelaki yang menjalankan perniagaan menjual LPG di kediamannya akan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya ketika dihubungi hari ini.

Katanya, jika disabitkan kesalahan, lelaki itu boleh dikenakan denda maksimum sebanyak RM1 juta dan penjara tiga tahun penjara atau

kedua-duanya sekali.

Ketika diminta mengulas jumlah pemeriksaan dilakukan KPDNHEP sehingga akhir bulan lalu, Saharuddin berkata, sebanyak 15,264 pemeriksaan dilakukan.

Katanya, sebanyak 232 kes membabitkan nilai rampasan sebanyak RM97,778.50 dan nilai denda berjumlah RM22,000.

"Jumlah nilaian kompaun atas pelbagai kesalahan di bawah Akta KPDNHEP adalah berjumlah RM42,250," katanya.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/574645/berputih-mata-jual-lpg-tanpa-lesen>

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 4 Mei 2020 @ 11:55 PM

